

Lagi Penarafan **5 Bintang** Untuk MyMoheS UNIMAS



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :

PROF DR TARMUJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :

PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :

DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :

GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :

MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :

NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :

NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :

SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :

ROZAIMI ANIS



Kota Samarahan : Data Sistem MyMoheS Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sekali lagi mendapat pengiktirafan **5 bintang** untuk penghantaran modul pelajar, modul staf, modul R&D&C dan modul maklumat institusi bagi tahun 2021.

Keputusan keseluruhan penarafan bintang Universiti Awam (UA) yang merangkumi tiga kriteria iaitu Masa Penghantaran (K1), Kesempurnaan Data (K2) dan Kualiti Data (K3) telah diumumkan dalam Mesyuarat Kualiti Data Sistem MyMoheS Bil.01/2022 pada 15 Mac 2022.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian, Ts. Salwati bt Badroddin dijalankan melalui persidangan video manakala UNIMAS diwakili SQRC selaku Sekretariat MyMoheS UNIMAS.

Terdahulu pihak Unit Pengurusan Data, BPPD, KPT merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh pihak Universiti Awam (UA) dalam proses penghantaran data pelajar bagi *cut-off*

date 30 November 2021 serta data staf, R&D&C dan Maklumat Institusi bagi *cut-off date* 31 Disember 2021.

Dalam analisa laporan yang dibentangkan pada mesyuarat kali ini, UNIMAS telah mendapat markah 100% bagi masa penghantaran, 99.87% bagi kesempurnaan data dan 99.91% bagi kualiti data. Sehubungan itu, UNIMAS telah diberikan penarafan **5 bintang** dalam kategori Universiti Komprehensif.

MyMoheS merupakan satu sistem yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam mengumpul data dari semua IPTA berkaitan Staf, R&D&C, Pelajar dan Maklumat Institusi serta disimpan dalam satu gudang data. Pengumpulan dan penghantaran data oleh IPTA bagi Modul Staf, R&D&C, Pelajar dan Maklumat Institusi dilakukan sebanyak 2 kali setahun.

Sekretariat MyMoheS UNIMAS merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua PTJ yang terlibat. **TAHNNIAH..!**

UNIMAS tercalon ke pentas akhir THE Awards Asia 2022

Kota Samarahan : Buat kali keempat berturut-turut sejak 2019, UNIMAS sekali lagi berjaya tercalon ke pentas akhir THE Awards Asia 2022.

Pengumuman finalis THE Awards Asia 2022 telah dibuat oleh pihak THE di London pada 31 Mac 2022.

Tahun ini, UNIMAS telah tersenarai dalam dua kategori iaitu *International Strategy of the Year* melalui projek UNIMAS Global High Impact Project (#UGHIPS) – *Solutions that cross the Global Frontiers* dan juga kategori *Workplace of the Year* melalui projek *Eudemonia & Contentment During COVID-19: Building Up resilience Amongst Staff in UNIMAS*.

Mengulas kejayaan ini, Naib Canselor YBhg Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi menyatakan ini sememangnya satu pengiktirafan di peringkat antarabangsa atas usaha UNIMAS membina kekuatan dalam banyak bidang yang penting untuk kejayaan.

THE Awards Asia menawarkan platform antarabangsa untuk mengiktiraf prestasi kepimpinan dan institusi yang cemerlang selain meraikan kecemerlangan pendidikan tinggi.

Pentas akhir THE Awards Asia 2022 akan diadakan semasa THE Asia Universities Summit pada 31 Mei 2022 di Aichi Nagoya, Jepun.

Mesyuarat JKPR Bil.01/2022

Kota Samarahan : Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JKPR) UNIMAS telah bersidang melalui Mesyuarat Bil.01/2022 yang diadakan pada 15 Mac 2022 lalu.

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi di Bilik Mesyuarat Senat, Rumah Universiti.



Mesyuarat telah menerima maklum laporan pengurusan risiko yang diterima secara berkala daripada Pengurus Risiko berkaitan operasi dan prestasi pengurusan risiko Universiti.

Mesyuarat turut melahirkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada SQRC atas pencapaian dalam projek inovasi pengurusan risiko iaitu SQRC *Online* yang telah di senarai pendek dalam kategori Anugerah Inovasi ICT Pengurusan UNIMAS sempena MAGU 2022.

Turut dimaklumkan penghargaan atas inisiatif penambahbaikan pengurusan risiko sepanjang 2021 dengan pembangunan Sistem Daftar Risiko menggunakan platform SPeED.

Mesyuarat turut mengalu-alukan kehadiran ahli baharu pada mesyuarat kali ini iaitu Puan Laila Abang Ahmad, Pengarah Pusat Pembangunan dan Khidmat Teknologi Maklumat.

Sesi Pemurnian & Audit Dalam Data SETARA 2022

Kota Samarahan : Beberapa siri perbincangan dan pemurnian data dan bahan bukti bagi tujuan auditan penarafan SETARA 2022 telah diadakan di peringkat SQRC bagi memastikan ianya menepati kehendak dan berkualiti.

Selain itu, sesi auditan dalaman SETARA 2022 oleh auditor yang dilantik juga telah dijalankan pada 12-14 April 2022. Auditor yang dilantik terdiri dari wakil PTJ yang telah mengemukakan data dan bahan bukti antaranya Pej Bendahari, PPPA, BPPs, UHSB, RIEC, UBS, CGS, USC dan UniC.



Sesi Pemurnian Data & Bahan Bukti SETARA 2022

SQRC terima pelajar latihan industri

Bau : SQRC telah menerima seorang pelajar latihan industri dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Pelajar berkenaan, Sdr Rudhy Ahmad bin Ainul Ariffin adalah pelajar Diploma Sains Komputer dan Matematik.



Sdr Rudhy Ahmad bin Ainul Ariffin (UiTM)

Sepanjang menjalani latihan di SQRC mulai 21 Mac-2 September 2022, beliau akan didedahkan kepada persekitaran dan suasana kerja sebenar bagi mempraktikkan teori yang dipelajari di universiti disamping mengasah bakat kemahiran insaniah bersesuaian dengan persekitaran pekerjaan.

MKD MyMoheS Bil. 1/2022

Kota Samarahan : Mesyuarat turut dihadiri oleh Mesyuarat Kualiti Data Sistem MyMoheS Bil 1/2022 telah dijalankan secara persidangan video pada 15 Mac 2022 yang lalu.


Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs Ts Salwati binti Badroddin, Timbalan Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi.

UNIMAS telah diwakili pengurusan SQRC selaku Urusetia MyMoheS dalam mesyuarat pada kali ini.


Mesyuarat turut dihadiri oleh semua wakil Universiti Awam (UA).

Mesyuarat telah mengambil maklum dan merakamkan penghargaan kepada semua UA yang telah memberikan komitmen dalam penghantaran data yang lepas.

Mesyuarat turut menerima maklum Laporan Kualiti Data termasuk analisis dan isu-isu data yang telah dibentangkan oleh pihak Urusetia untuk diambil tindakan selanjutnya.



Mesyuarat MKD MyMoheS Bil 1/2022



Bubur Lambuk Ramadhan di SQRC

Kota Samarahan : Keluarga kecil SQRC tidak ketinggalan mengambil keberkatan bubur lambuk yang memang sinonim di bulan Ramadhan ini kemudian menyediakan juadah bubur lambuk pada 14 April 2022 yang lalu.

Juadah disediakan secara gotong royong. Juadah bubur lambuk yang memang sinonim di bulan Ramadhan ini kemudian diagihkan kepada semua staf SQRC, pelajar latihan industri dan juga pekerja pembersihan.



Kalendar Aktiviti



Mac 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat JSKU	Bil.01/2022 Ke-23	1/03/2022
2	Taklimat SETARA 2022	KPT	2/03/2022
3	Mesyuarat JK Pengurusan Prestasi Program (PPMC) KPT	OBB Tahun 2023 - KPT	3/03/2022
4	Sesi Taaruf dan Perbincangan Ringkas Pegawai Risiko UA	Anjuran UUM	8/03/2022
5	Bengkel Penyelarasan Kerangka Keberhasilan OBB	KPT	8/03/2022
6	Taklimat SETARA UNIMAS 2022	SQRC	9/3/2022
7	Mesyuarat Kualiti Data (MKD) Bil.1/2022	KPT	15/03/2022
8	Mesyuarat JKPR	Bil.01/2022	15/03/2022
9	THE WUR	Data Submission to THE Hub	30/03/2022

April 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat Pegawai Risiko UA	Bil.02/2022	7/4/2022
2	Sesi Audit Dalaman SETARA 2022	PTj	12-14/04/2022
3	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB)	Suku Pertama Tahun 2022	14/04/2022
4	Penghantaran Masterlist SETARA 2022	Pusat Sitasi & Infometrik, JPT	30/04/2022
5	Employer Satisfaction Index (ESI)	Materlist E - SETARA 2022	30/04/2022